

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN
[SEPANGGAR]
TARIKH : 12 OKTOBER 2021

SOALAN :

DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [SEPANGGAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah projek pembangunan di Sabah yang terjejas akibat pandemik COVID-19 bagi tahun 2020 dan 2021 dan status projek-projek tersebut ketika ini.

JAWAPAN

**YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi tahun 2020, sebanyak 1,131 program dan projek telah diluluskan di Sabah. Daripada jumlah ini, 60 peratus telah siap dan bakinya telah disambung pada tahun 2021 di pelbagai peringkat pelaksanaan.
2. Bagi tahun 2021 pula, sebanyak 1,097 program dan projek termasuk sambungan dan baharu telah direkodkan. Daripada jumlah ini, sebanyak 30 peratus telah siap dan bakinya masih diteruskan di pelbagai peringkat pelaksanaan.
3. Secara umumnya semua program dan projek sama ada awam atau swasta terkesan dengan pandemik COVID-19. Namun, Kerajaan tetap komited melaksanakan program dan projek di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak bagi tujuan pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.